



Tetamu kehormat bersama sebahagian peserta yang menyertai Kejohanan Dam Aji Antarabangsa di IPG, Kota Bharu.



Umur bukan penghalang untuk mereka turut serta dalam pertandingan.

Catat rekod MBOR

Lebih 2,626 peserta sertai Kejohanan Dam Aji Antarabangsa

SITI FATIMAH AWANG

KOTA BHARU - Lebih 25 sekolah rendah dan 18 sekolah menengah negeri ini menyertai Kejohanan Dam Aji Antarabangsa 2018 di Dewan Institut Pendidikan Guru (IPG), Kota Bharu di sini, baru-baru ini.

Kejohanan itu turut mendapat pengiktirafan daripada Malaysia Book of Records (MBOR) selepas mencatatkan rekod penyertaan terbesar dalam pertandingan dam aji di seluruh Malaysia iaitu melibatkan penyertaan lebih 2,626 peserta dari seluruh negara dan beberapa negara luar.

Program julang kali itu merupakan anjuran Yayasan Generasi Malaysia dengan

kerjasama Universiti Malaysia Kelantan (UMK) dan Persatuan Kelab-Kelab Belia Malaysia (MAYC).

Timbalan Naib Canselor, Hal Ehwal Pelajar dan Alumni UMK, Profesor Dr Zaliman Sauli berkata, peserta kali ini melibatkan pelbagai kelompok iaitu pelajar sekolah, penuntut pusat pengajian tinggi, pekerja agensi kerajaan dan juga kelab dan persatuan dam aji.

Turut hadir, Pengarah UCTC UMK, Profesor Madya Dr Mohad Anizu dan Ketua Pegawai Eksekutif Yayasan Generasi Malaysia, Dr Roslan Basaruddin.

Majlis perasmian disempurnakan Ketua Umno Bahagian Pengkalan Chepa, Datuk Zaluzi Sulaiman mewakili Datuk Seri Mustapa Mohamed.



Pertandingan turut melibatkan wakil agensi kerajaan, kelab dan persatuan dam aji Malaysia.



Zaliman (kanan) bermain dam aji sementara menunggu saingan peserta-peserta yang mengambil bahagian.



Zaluzi tidak melepaskan peluang bersama-sama peserta untuk menentukan pergerakan dam.